

08 FEB 2002

MAHATHIR TOLAK JEMPUTAN CHOGM

MELBOURNE, 8 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menolak jemputan menghadiri sidang kemuncak Komanwel di Sunshine Coast, di utara Brisbane, bulan depan.

Dr Mahathir memberitahu Australia bahawa beliau tidak akan menghadiri mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) itu.

Beliau telah menolak jemputan bagi menghadiri sidang kemuncak itu yang dijadualkan di Brisbane pada Oktober tahun lepas dan memberi jawapan yang sama bagi mesyuarat Komanwel yang dijadualkan semula itu.

Seperti tahun lepas, Dr Mahathir tidak memberi sebarang sebab mengapa beliau menolak jemputan ke Australia, kata Radio Australian Broadcasting Commission (ABC).

Rombongan Malaysia pada sidang kemuncak itu akan diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam masa lebih 20 tahun sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir hanya sekali mengadakan lawatan rasmi ke Australia iaitu pada 1984.

-- BERNAMA

NDC DC RM NAK